

Tun M Gesa Semua Negara Islam Bantu Selamatkan Etnik Rohingya
Bernama
10 Ogos, 2012

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad berharap agar negara-negara Islam di seluruh dunia dapat bersama-sama memainkan peranan membantu menamatkan kesengsaraan etnik Rohingya di Myanmar.

Beliau berkata usaha dari Malaysia semata-mata tidak mungkin mampu menyelesaikan masalah tersebut.

"Tapi kalau usaha datang dari seluruh umat Islam, negara-negara Islam dan negara-negara lain, saya yakin pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) akan mengambil tindakan untuk menyelamatkan Rohingya," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan simbolik sumbangan air bersih melalui Projek "Waqaf Water4Gaza" di sini, Jumaat.

Beliau diminta mengulas dakwaan kerajaan Arab Saudi bahawa Myanmar yang majoriti penduduknya menganut agama Buddha sedang menjalankan proses pembersihan etnik Muslim Rohingya di negara tersebut.

Dr Mahathir turut berharap agar kerajaan Myanmar yang kini telah membuka pintu kepada proses demokrasi agar bertimbang-rasa terhadap nasib buruk yang ditimpakan ke atas etnik Rohingya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687268>